

26 OCT 2003

Kayak-Perdana Menteri (Bergambar)

PESERTA EKSPEDISI KAYAK SELAT MELAKA HADIAH KEJAYAAN PADA PM

JOHOR BAHRU, 26 Okt (Bernama) -- Ekspedisi Kayak Selat Melaka dari Kuala Perlis ke Johor Baharu bagi mengenang sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berakhir hari ini selepas menyusuri 902km selat terpanjang di dunia itu.

Ketua Ekspedisi Samari Mohamad Senang berkata lima peserta berjaya menamatkan cabaran selama 16 hari itu dengan berdayak secara individu manakala dua lain secara bergilir-gilir.

"Kami berhasrat untuk menghadaikan kejayaan ekspedisi ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas sumbangan beliau terhadap negara ini."

"Ia juga untuk menghargai beliau yang mencetuskan semangat "Malaysia Boleh" di kalangan rakyat Malaysia," katanya sejurus tiba di Pantai Lido di sini sebagai menandakan tamatnya ekspedisi itu.

Enam daripada peserta ekspedisi itu terdiri daripada penuntut Universiti Malaya dalam pelbagai jurusan manakala Samari pula bertugas di kakitangan Unit Sukan universiti berkenaan.

Samari berkata pihaknya sedang berusaha untuk memasukkan usaha berdayak di selat terpanjang itu di dalam "Malaysia Book of Records" sebagai satu rekod negara.

Menurutnya ekspedisi berdayak sejauh 902km itu juga merupakan satu rekod dunia memandangkan Selat Melaka merupakan selat terpanjang di dunia, berdasarkan kajiannya.

Mengenai cabaran yang dihadapi ketika mengharungi selat itu, beliau berkata halangan utama ialah mereka terpaksa menempuh ombak besar yang kadangkala mencecah ketinggian dua meter.

Katanya para peserta menjalani pelbagai latihan selama tiga bulan untuk menyediakan diri bagi menghadapi cabaran ekspedisi Selat Melaka itu.

"Ketika berdayak untuk menuju Tanjung Tuan, kami dapati ombak besar itu berpecah pada tiga bahagian dan ini menyebabkan kami terpaksa berhenti untuk beberapa ketika bagi mengelakkan daripada terbalik," katanya.

Para peserta katanya, juga menghadapi masalah cuaca yang kerap berubah sehingga menyebabkan perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang lain itu amat mencabar.

"Ada ketikanya peserta-peserta terpaksa mengharungi ombak besar dan angin kencang selama enam jam," kata Samari dan menambah, perjalanan paling jauh mereka adalah dari Tanjung Tuan ke Solok Minyak.

Perjalanan sejauh 70 kilometer itu mengkehendaki peserta berdayak selama 14 jam bermula pada 7 pagi hingga 10 malam.

Salah seorang anggota ekspedisi itu, Zawawi Zainal, 20, yang merupakan peserta termuda berkata banyak pengalaman yang kadangkala mencemaskan berlaku ketika mengharungi selat itu.

"Kayak saya pernah terbalik di dalam satu insiden akibat dipukul oleh ombak besar. Bagaimanapun, kerjasama rakan-rakan berjaya membantu saya menghadapi cabaran getir itu," kata penuntut Universiti Malaya itu.

Sementara itu peserta wanita tunggal di dalam ekspedisi itu, Rizan Amiruddin, 23, berkata beliau tetap bangga dengan kejayaan menyusuri 902km Selat Melaka walaupun terpaksa berdayak secara bergilir-gilir dengan peserta yang lain.

"Walaupun saya pernah menyertai ekspedisi yang lain tetapi pengalaman berdayak sejauh 902km di Selat Melaka adalah paling membanggakan," kata penuntut jurusan Alam Bina (Gubahan).

-- BERNAMA
MHI LAT